

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]**
TARIKH : **25.5.2016**
SOALAN :

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pelaksanaan sekolah berpusat di Pulau Banggi akan dilaksanakan memandangkan ramai anak-anak sekolah tinggal di kampung-kampung terpencil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan kemudahan pendidikan di kawasan pedalaman termasuk di Pulau Banggi, Sabah diberikan keutamaan. Ini bagi memastikan peluang pendidikan dapat diakses oleh semua murid tanpa dibatasi oleh faktor jarak, geografi dan sebagainya.

Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Program Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) iaitu SK Sabur, Banggi melalui *Rolling Plan* Pertama (2016) dalam RMKe-11. Projek tersebut dijangka akan siap tahun 2018.

RJM75